

02 JUN 1996

Mahathir-Arqam

MAHATHIR KECEWA ASAARI MUNGKIRI JANJI

LANGKAWI, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau dukacita dengan sikap bekas pemimpin al-Arqam, Asaari Muhammad yang dianggapnya memungkiri janji.

Beliau berkata Asaari tidak sepatutnya mengadakan pertemuan sulit dengan beberapa bekas anggota kumpulan itu yang dilaporkan untuk menghidupkan semula kumpulan berkenaan.

"Saya dukacita sebab janji Asaari hanya tinggal janji kosong sahaja. Tapi kita akan ambil tindakan," katanya pada persidangan akhbar sempena lawatan dua hari beliau ke sini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata kerajaan akan meneliti dan mengawasi perkembangan terbaru itu dan akan bertindak apabila keadaan memerlukan.

"Kita tidak pasti lagi bentuk tindakan yang bakal diambil. Kita biarkannya terbuka, tengok dahulu apa yang berlaku," katanya.

Dr Mahathir berkata apa yang disebar oleh Asaari amat menyeleweng daripada akidah Islam dan "kita mesti menyelamatkan umat Islam negara ini daripada penyelewengan itu."

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub semalam berkata Asaari telah mengadakan pertemuan sulit dengan beberapa bekas anggota kumpulan itu untuk merancang menghidupkan semula kumpulan yang diharamkan itu.

Katanya berdasarkan kepada maklumat polis, pertemuan itu diadakan di kawasan penahanan sementara Asaari.

Menurutnya pihak berkuasa tidak menolak kemungkinan usaha menghidupkan semula kumpulan itu turut membabitkan bekas pemimpin al-Arqam.

Mengenai laporan bahawa usaha itu turut membabitkan bekas pengikut al-Arqam dari Thailand Selatan yang seolah-olah menunjukkan negara berkenaan menyokong kumpulan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan Thai mungkin tidak bermaksud demikian.

"Kita kena faham bahawa Thailand bukanlah negara Islam dan jika mereka mengharamkan kumpulan itu, mereka mungkin pula akan dianggap sebagai negara yang anti Islam," katanya.

Menurut laporan akhbar baru-baru ini lebih 300 bekas pengikut al-Arqam termasuk dari Thailand Selatan berkumpul di Perlis untuk mengadakan upacara pentauliah kepada anggotanya bagi menganggotai semula kumpulan itu. --

BERNAMA

ZAA NMO